

13/08/2002

Malaysia sedia bantu majukan Timor Lorosae

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia komited membantu memajukan Timor Lorosae, negara miskin yang baru merdeka dan dulunya dikenali sebagai Timor Timur.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus mengekalkan kerjasama dalam pembangunan semula wilayah terbabit berdasarkan keupayaan dan kebolehan yang ada mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Beliau berkata, Kuala Lumpur juga akan terus menyediakan latihan untuk anggota Angkatan Pertahanan Timor Lorosae bagi membantu meningkatkan keupayaannya mengekalkan keamanan serta kestabilan negara yang baru merdeka 20 Mei lalu.

"Kita sedar bahawa hubungan ekonomi sekarang di antara Malaysia dan Timor Lorosae masih kecil, tetapi potensi adalah baik untuk perdagangan serta pelaburan kedua-dua negara. Kita harus berusaha untuk membangunkan potensi itu.

"Saya difahamkan ada 90 peniaga Malaysia di Timor Lorosae terbabit dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti perundingan dan perakaunan, hotel dan restoran serta perdagangan dan perniagaan am," katanya pada jamuan bagi meraikan rakan sejawatannya dari Timor Lorosae, Dr Mari Bim Amude Alkatiri di Seri Perdana di sini malam ini.

Alkatiri tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi empat hari bersama beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Luarnya, Dr Jose Ramos Horta. Delegasi 27 anggota itu turut disertai 17 ahli perniagaan.

Sebelum ini, wilayah terbabit ditadbir Pihak Berkuasa Peralihan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (UNTAET) bermula 1999 berikutan referendum yang dibuat memilih untuk keluar daripada Indonesia.

Timor Timur adalah sebahagian Indonesia bermula 16 Julai 1976. Ibu negara dan bandar terbesarnya adalah Dili yang mempunyai 65,000 penduduk. Ekonomi negara itu berasaskan perikanan dan pertanian dengan kadar pengangguran sebanyak 70 peratus.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta tempatan untuk menerokai Timor Lorosae dan meninjau sendiri peluang yang ada untuk faedah bersama, seperti dalam bidang cari gali petroleum dan gas, pembangunan prasarana, perbankan dan insurans serta pertanian.

"Adalah juga menjadi harapan saya supaya Timor Lorosae akan mempermudah dan membantu usahawan Malaysia dalam usaha mereka itu," katanya.

Beliau berkata, Malaysia terus memberi sokongan kehadiran Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Sokongan terhadap Timor Lorosae (UNMISSET) bagi menjamin kelicinan pelaksanaan proses pembinaan negara itu. Malaysia turut menyertai UNTAET.

Katanya, berdasarkan pengalaman dengan kemerdekaan pada 1957, Malaysia sedar mengenai pentingnya untuk membangunkan sepenuhnya ekonomi dan menjamin kekayaan negara diagihkan sama rata.

Sejak itu katanya, Malaysia memulakan pelbagai program pembangunan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kini Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Berikutan itu kata beliau, Malaysia berjaya mengubah negara ini daripada ekonomi yang berasaskan pertanian kepada ekonomi moden, pelbagai dan cemerlang.

"Dengan dasar yang betul dan sokongan, saya percaya Timor Lorosae boleh membangun dan maju," katanya.

Bagaimanapun katanya, sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Timor Lorosae akan berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk membangunkan semula wilayah terbabit setelah melepasi halangan pertama iaitu merdeka.

Namun, beliau yakin kerajaan negara itu akan berupaya untuk membangun semula dan memajukannya ke arah memenuhi harapan rakyat untuk menikmati sebuah negara yang maju dan aman.

Dr Mahathir memberi jaminan akan terus bekerjasama memperkukuhkan lagi hubungan dua hala. Malaysia adalah antara negara pertama membuka pejabat perhubungan di Dili pada April 2000 dalam usaha mempermudah serta merapatkan hubungan dengan Timor Lorosae.

Beliau berkata, sejak 20 Mei tahun ini pejabat itu dinaikkan taraf menjadi pejabat penuh kedutaan sempena kemerdekaan negara terbabit dan Malaysia juga mengalukan pembukaan pejabat kedutaan Timor Lorosae di ibu negara serta pelantikan dutanya, Djafar Alcatiri.